

20 OCT 1998

DR MAHATHIR PULANG DARI JEPUN

SEPANG, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanahair awal hari ini selepas melakukan lawatan kerja lima hari ke Jepun.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir melalui aturcara yang ketat dengan pertemuan bersama pengarang-pengarang media Jepun, tokoh-tokoh perniagaan, para akademik dan pegawai-pegawai kerajaan.

Selain bertemu dengan anggota-anggota Keidanren, iaitu dewan perniagaan Jepun, Perdana Menteri juga bertemu dengan rakan sejawatnya Keizo Obuchi serta mengadap Maharaja Akihito.

Beliau juga berucap di Persidangan Antarabangsa Tokyo Kedua Mengenai Pembangunan Afrika (TICAD II), iaitu susulan kepada persidangan awal yang diadakan di Tokyo pada 1993 di bawah inisiatif Jepun untuk membawa pembangunan di negara-negara Afrika.

-- BERNAMA

AZZ PR